# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 14 NOVEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | RAISING PRICE CAP ON LOCAL RICE WILL CURB ILICIT REPACKAGING, NEW NATION, NST-8 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | KERAJAAN SYOR NAIKKAN HARGA SILING BPT, LOKAL, HARIAN EKSPRESS- 4 | |
| 3. | PESAWAH BOLEH CAPAI PENDAPATAN RM10,000 SEHEKTAR, DALAM NEGERI,UM-29 | |
| 4. | ADDITIONAL QUOTA OF OVER 110,000 SEED TOWELS APPROVED RICE SUPPLY ISSUE, NATION,CHINA PRESS-A3 | |
| 5. | DVS RAMPAS KARKAS BABI, RM 4.3 JUTA, NASIONAL, SH-6 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 6. | KADA PERLU 8,200 TAN BENIH PADI SETAHUN, CUMA DAPAT 700 TAN, DALAM NEGERI,UM-4 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 7. | MIRACLE GAMING UNGGULI ML NEKMAT ML NAFAS - NEKMAT, NASIONAL,SH-13 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) / PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT) |
| 8. | MIRACLE GAMING JUARA MOBILE LEGENDS ANJURAN NAFAS-NEKMAT,LOKAL, HM-21 | |
| 9. | BERAS TEMPATAN BERTAMBAH TETAPI MASIH TAK MENCUKUPI, NASIONAL,BH-15 | LAIN-LAIN |
| 10. | INSTITUT AGRO USAHAWAN TINGKAT MODAL INSAN CEBURI PERTANIAN, NASIONAL,BH-17 | |
| 11. | WUJUDKAN KAEDAH BERKESAN PANTAU SUBSIDI BERAS, MINDA PEMBACA, BH-13 | |
| 12. | RICE MILLER: LET PRICE OF RICE FLOAT FREELY TO SOLVE CHAOS. | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14/11/2023 | NST | NEWS NATION | 8 |

STOCK RESOLD AS IMPORTED RICE

# 'Raising price cap on local rice will curb illicit repackaging'

**ALOR STAR:** Increasing the ceiling price of local white rice (BPT) will stem the alleged illicit activity of repackaging BPT to be sold at the price of imported white rice.

Consumers Association of Kedah president Yusrizal Yusoff said the current price of RM26 per 10kg was too low, forcing rice packagers to resort to illicit means to remain sustainable.

He said raising the BPT price to RM32 per 10kg would promote the return of local white rice packets into the market, which would still remain at an affordable price range.

"Previously, when the government announced an increase to padi purchase prices to help padi farmers, local white rice packets suddenly went missing from the market.

"This was because the RM26 per 10kg price was no longer sustainable for businesses and this price has been maintained for more than 11 years.

"This will benefit consumers as it is still more affordable than imported white rice, while ensuring a sustainable solution for all parties in the rice production supply line," he said yesterday.

Yusrizal added that certain cases of price hikes were unavoidable as the costs of production and operations had increased.

Hence, he stressed that the government must seek to increase the people's income, which has failed to keep up with the rising cost of living.

"We urge the government to increase minimum wage and encourage companies to compensate employees fairly."

On Sunday, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the government would review a proposal by the Padi and Rice Regulatory Division to increase the ceiling price of BPT to protect all parties in the food production supply chain, especially rice farmers.

He reportedly said the increase in BPT ceiling price was important to prevent the occurrence of local rice supplies piling up as manufacturers were no longer interested in continuing to purchase local rice due to low prices.

Malaysian Padi Farmers Brotherhood Organisation (Pesawah) executive council member Abdul Rashid Yob said the move would do justice to local padi farmers who were struggling with the rising cost of farming.

"Currently, the cost for farmers to cultivate padi is RM3,000 to RM3,500 per hectare, with a target yield set at seven metric tonnes per hectare. Government subsidies only cover 20 per cent of this cost, leaving the rest to be borne by farmers.

"If the padi farmers can yield five metric tonnes, their overall income is around RM6,500, and after deducting costs, they receive around RM3,000. That will be about only RM500 per month."

He said if the BPT ceiling price was set at RM3.20 per kg, rice millers would purchase padi from farmers between RM1,500 and RM1,600 per tonne.

He said this would increase farmer's income to RM7,500 per month for every five metric tonnes yield per hectare.

"The government needs to create a win-win situation so that all parties benefit.

"If farmers alone have to bear all the burden just for the prices to appear affordable for the people, it's not fair."



*Malaysian Padi Farmers Brotherhood Organisation executive council member Abdul Rashid Yob says padi farmers spent RM3,000 to RM3,500 to cultivate each hectare.* FILE PIC

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kerajaan syor naikkan harga siling BPT | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 14 Nov 2023 | Color | Black/white |
| Section | Tempatan | Circulation | 25,055 |
| Page No | 4 | Readership | 75,165 |
| Language | Malay | ArticleSize | 172 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 366 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,097 |



# Kerajaan syor naikkan harga siling BPT

IPOH: Kerajaan akan mengkaji cadangan menaikkan harga siling beras putih tempatan (BPT) sepertimana diutarakan oleh Badan Kawal Selia Padi dan Beras, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad Sabu berkata kajian tersebut akan melibatkan penelitian terhadap semua aspek bagi memastikan semua pihak mendapat manfaat daripada keputusan yang dibuat.

"Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Ekonomi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan berbincang bagi meneliti keperluan serta cara pelaksanaannya.

"Kajian ini juga perlu dilakukan atas cadangan daripada beberapa pihak kerana harga yang ditetapkan tidak pernah berubah sejak 2008," katanya ketika ditemui media di gerai Jualan Rahmah sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023 di Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah di sini, Ahad lepas.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Datuk Azman Mahmood pada Sabtu lalu menegaskan harga siling BPT wajar dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram (kg) berbanding RM2.60 se-kg ketika ini bagi menjaga masa depan semua pihak yang terbabit dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu terutama pesawah.

Azman dalam kenyataan sama turut menjelaskan kenaikan harga siling BPT penting bagi mengelakkan berlakunya longgokan padi tempatan berikutan pengilang tidak lagi berminat meneruskan pembelian beras kerana harga yang rendah.

Sementara itu, Mohamad Sabu berkata beliau yakin lebih 500,000 pengunjung akan hadir ke program HPPNK 2023, yang berlangsung selama tiga hari sejak 10 Nov lepas.

"Saya yakin sasaran itu akan dapat dicapai berdasarkan hingga pukul 12 tengah hari tadi kehadiran keseluruhan adalah 488,662 pengunjung melibatkan 452,647 orang secara fizikal dan 36,015 secara dalam talian," katanya.

Menurutnya kehadiran pengunjung daripada pelbagai golongan ini membuktikan bahawa program ini amat memberi manfaat kepada rakyat bukan hanya untuk mendapatkan barangan keperluan asas malah mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan bidang pertanian.

"Kehadiran pengunjung ini juga adalah bukti sokongan mereka kepada iltizam kerajaan dalam menghargai jasa dan sumbangan peladang, penternak dan nelayan yang merupakan wira negara yang sentiasa berusaha memastikan bekalan makanan negara mencukupi," katanya. – Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pesawah boleh capai pendapatan RM10.000 sehektar | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 14 Nov 2023 | Color | Black/white |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 107,609 |
| Page No | 29 | Readership | 322,827 |
| Language | Malay | ArticleSize | 410 cm² |
| Journalist | MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB | AdValue | RM 11,096 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 33,287 |



Dengan syarat harga siling beras putih tempatan naik RM3.20 sekilogram

# Pesawah boleh capai pendapatan RM10,000 sehektar

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**ARAU:** Pesawah mampu menikmati peningkatan pendapatan hingga RM2,000 satu tan metrik termasuk subsidi jika harga siling beras putih tempatan dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram.

Jika tanaman satu hektar yang menghasilkan sekitar lima tan metrik, pesawah mampu menjana pendapatan mencecah RM10,000 melalui kenaikan harga beras berkenaan.

Sebelum ini, harga pembelian padi sekitar RM1,200 dan dalam Belanjawan 2024 baru-baru ini kerajaan meningkatkan harga lantai belian padi kepada RM1,300 bagi satu tan metrik.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Dibuk Sdn. Bhd., Ezreen Muhaizi Marzukhi berkata, harga beras yang lebih tinggi akan meningkatkan keupayaan kilang-kilang membeli padi pada harga lebih tinggi daripada petani.

Beliau berkata, sekiranya harga siling beras putih tempatan diluluskan pada RM3.20 sekilogram, pihak kilang mampu membeli padi pada harga lebih tinggi iaitu RM1,500 bagi satu tan metrik.

"Justeru, pesawah dapat menikmati harga RM2,000 bagi satuy tan metrik termasuk subsidi sekali gus meningkatkan pendapatan petani selepas sekian lama.

"Harga padi ini dapat membantu meningkatkan kewangan petani dalam suasana kos mengusahakan tanaman semakin tinggi termasuk dengan peningkatan harga benih yang tidak terkawal sehingga ada dijual melebihi harga siling yang dibenarkan," katanya.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, kerajaan mungkin menaikkan harga beras putih tempatan tidak lama lagi, tetapi, akan memastikan langkah itu tidak membebankan rakyat.

Langkah tersebut diambil ekoran harga beras sudah lama tidak dinaikkan dan harga sekarang adalah harga sejak tahun 2008.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, perbincangan berkaitan cadangan menaikkan harga siling beras putih daripada RM2.60 sekilogram kepada RM3.20 sekilogram sedang dijalankan melibatkan empat kementerian.

Terdahulu, Badan Kawal Selia Padi dan Beras mendapati harga siling beras putih tempatan wajar dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram berbanding RM2.60 sekilogram ketika ini bagi menjaga masa depan semua pihak yang terbabit dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu, terutama pesawah.

Mengulas lanjut, Ezreen Muhaizi berkata, harga siling beras tempatan sepatutnya sudah lama naik bagi mengimbangi kenaikan harga beras import.

"Ia penting supaya tiada perbezaan harga yang tinggi antara kedua-duanya. Ia juga penting untuk mengelak berlaku manipulasi di peringkat borong dan runcit," katanya.

Katanya, bagi industri yang majoritinya dikeluarkan oleh rakyat tempatan, sekurang-kurangnya kenaikan tersebut berlegar dalam ekonomi domestik, berbanding kenaikan kos komoditi import yang tidak menguntungkan kitaran ekonomi setempat.

"Contohnya jika harga gula naik, perbezaan harga yang perlu dibayar oleh rakyat tidak berlegar dalam ekonomi setempat, berbanding harga beras, kerana nikmatnya akan dapat kepada petani tempatan dan pendapatan pesawah akan digunakan untuk berbelanja di dalam negara," katanya.

Seorang pesawah, Mohd. Nazri Subuh,48, berkata, dia yang mengusahakan tanaman di kawasan seluas tiga hektar mampu menjana pendapatan sehingga RM30,000 jika kilang membeli dengan harga RM1,500 satu tan metrik.

Katanya, jika ditolak modal dan kos tanaman, pendapatan bersih dalam sekitar RM20,000 sekali gus membantu meningkatkan pendapatan pesawah ini.

"Sebenarnya sudah tiba masanya harga siling beras dinaikkan memandangkan kos untuk mengusahakan tanaman , padi juga semakin meningkat. Saya percaya rakyat juga akan faham jika harga beras meningkat," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Additional quota of over 110,000 seed trowels approved to address rice supply issue | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 14 Nov 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 94 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,854 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,563 |



陳泓縑：解決稻米供應問題

# 額外批逾11萬份稻種



■陈泓缣

（吉隆坡13日讯）政府额外批准11万2260份，有关20公斤的合法稻米种子（BPS）配额，以解决稻米供应问题，特别是吉打和玻璃市的稻农。

农业及粮食安全部副部长拿督陈泓缣向《马来西亚前锋报》指出，从上周五开始，额外的BPS配额已分配给区域农民组织（PPK），以及吉打和玻璃市的稻农。

他说，政府此前还发指示信函，直接向PPK和稻农出售BPS，该指示于去年10月11日生效，确保种植季节有充足稻米供应。

“政府根据标准作业程序，监督和严格控制12家合法稻米种子生产商的农场和实验室审批流程。”

该报日前报导，玻璃市和吉打稻农，由于延误和种子供应不足问题，本季可能无法种植稻米。

陈泓缣说，除了确保BPS供应充足，该部还监控价格，以合理价格出售。每20公斤的BPS在生产厂的门市最高售价为40令吉，至于零售价为45令吉。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14/11/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 6 |

# DVS rampas karkas babi RM4.3 juta

**KUALA LUMPUR** - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) merampas karkas babi yang diimport dari Brazil dan Rusia serta yang tidak berlabel lebih 190 tan metrik dengan nilai keseluruhan RM4.3 juta.

DVS dalam satu kenyataan yang dikeluarkan memaklumkan, operasi penguatkuasaan dijalankan dalam dua peringkat iaitu pada Mei hingga Jun dan November, telah merampas karkas berkenaan di tujuh lokasi di Selangor dan empat di Johor.

"Keseluruhannya DVS merampas karkas babi 199.605 tan metrik, lima buah kontena, satu unit mesin pengikat tali untuk kotak dan 59 gelung tali pengikat," katanya.

DVS memaklumkan, kesemua karkas babi yang dirampas dilupus setelah mendapat perintah mahkamah mengikut Subseksyen 68 (3) Akta Binatang 1953.

Ujar jabatan itu, sembilan kes disiasat di bawah Subseksyen 5(1)(b) Akta Binatang 1953, berkaitan karkas babi dari Brazil dan Rusia yang tidak disenaraikan sebagai negara yang dibenarkan import.

Jelas DVS, pihaknya sentiasa mengambil perhatian serius berkaitan perkara itu kerana ia memberi kesan dalam kawalan penyakit berpunca daripada ternakan terutama penyakit African Swine Fever yang boleh menjejaskan industri penternakan babi.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap pengimport, penyimpan dan penjualan karkas babi bagi memastikan pengimportan dari negara yang dibenarkan di bawah Subseksyen 5(1)(b), Akta Binatang 1953," menurut kenyataan itu. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |

# KADA perlu 8,200 tan benih padi setahun, cuma dapat 700 tan

**Oleh YATIMIN ABDULLAH**
yatimin.abdullah@mediamulia.com.my

**KOTA BHARU:** Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) memerlukan sebanyak 8,200 tan metrik benih padi setahun bagi membolehkan kerja-kerja penanaman sumber makanan itu dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Besarnya, Mohd. Faizul Mustafa berkata, bagaimanapun agensi itu hanya memperoleh kuota benih sebanyak 700 tan metrik setahun.

"Situasi ini disebabkan ketidakupayaan ladang benih KADA memenuhi standard kualiti Jabatan Pertanian.

"Ia disebabkan oleh faktor sumber yang air tidak menentu dalam kawasan seliaan KADA," katanya.


Sebanyak 90 peratus sawah MADA di Perlis, Kedah belum ditanam padi

Krisis benih padi di utara

Sawah kosong

UTUSAN Malaysia 7 November 2023.

Mohd. Faizul berkata, pesawah boleh mendapatkan benih padi daripada sembilan pengeluar bahan itu diseluruh negara.

Katanya, ia boleh dibeli melalui stokis Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan peruncit swasta.

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan, kerja-kerja menanam musim kedua padi di Perlis dan Kedah terganggu apabila kira-kira 90 peratus pesawah dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) gagal mendapatkan bekalan benih padi sah (BPS).

Krisis yang disifatkan paling buruk itu menyebabkan hanya sekitar 7.4 peratus daripada 9,171 pesawah MADA di Perlis dan hanya 10.1 peratus pesawah di Kedah dapat memulakan tanaman padi mulai akhir September lalu.

Masalah sama turut berlaku di luar kawasan MADA di negeri ini apabila hanya sekitar 60 peratus daripada 6.789 pesawah sudah memulakan tanaman. Ia mengakibatkan jadual penanaman sudah jauh tersasar sekali gus bakal memberi kesan kepada hasil tanaman pada Februari 2024.

Di Kedah, jika mengikut jadual penanaman pada musim ini, sebanyak 33,580 hektar atau 30 peratus kawasan sawah MADA sepatutnya sudah mula ditabur BPS sejak 27 September hingga 11 November ini.

Selain itu, pesawah juga merungut kerana harga benih padi yang semakin tinggi sehingga mencecah RM50 sekampit bagi 20 kilogram turut membebankan golongan berkenaan.

Untuk musim tanaman kali ini, keseluruhan pesawah dalam kawasan MADA di Perlis memerlukan sekitar 115,057 kampit benih padi manakala petani di luar MADA pula memerlukan 28,412 kampit bekalan benih berkenaan membabitkan keluasan kawasan tanaman 28,003 hektar.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Miracle Gaming ungguli ML NAFAS-NEKMAT | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 14 Nov 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 13 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 764 cm² |
| Journalist | NORMAWATI ADNAN dan NOOR AINON | AdValue | RM 16,197 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 48,591 |


Johan raih wang tunai RM3,000 dalam pertandingan sulung e-Sukan di HPPNK 2023

# Miracle Gaming ungguli ML NAFAS-NEKMAT

Oleh NORMAWATI ADNAN dan NOOR AINON MOHAMED YUSOF
IPOH

Pasukan Miracle Gaming dari Kuala Lumpur muncul juara pertama perlawanan akhir pertandingan e-Sukan, Mobile Legends (ML) sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya, di sini.

Acara julung kali diadakan di bawah segmen Agro Millenia dikelolakan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) itu antara lain menyediakan platform bagi anak muda menunjukkan bakat serta memupuk semangat berpasukan dalam permainan sukan elektronik yang semakin popular pada masa kini.

Miracle Gaming yang diwakili lima remaja menewaskan pasukan Watermelon dan membawa pulang wang tunai RM3,000 selepas mengharungi lima perlawanan daripada keseluruhan 30 pasukan bertanding pada Ahad.

Ketua pasukan Miracle Gaming, Akmal Aqil Sarbani, 22, menyifatkan kemenangan itu sebagai kejayaan utama sejak kumpulannya dibentuk hampir setahun lalu.

"Semua pasukan bersaing sengit, namun kerjasama antara ahli dapat memberi tentangan ke peringkat akhir.

"Kemenangan ini juga menjadi inspirasi untuk menyertai pertandingan e-Sukan seterusnya yang akan berlangsung di Putrajaya bulan ini," katanya.



NIK MOHD SHAHARIL

Selain Akmal Aqil, Miracle Gaming turut dianggotai Lim Jin Gian, 18; Phan Junlarm, 15; Muhammad Hazril Haziq Khairol, 17, dan Hadi Hakimi Abu Bakar, 19.

Usaha Watermelon mempertaruhkan pemain pro dari Lunatix, Chong Wei Qian, 18, gagal membuahkan hasil apabila hanya menduduki tangga kedua dan membawa pulang hadiah bernilai RM1,000, trofi serta sijil penyertaan.

Tempat ketiga milik FTSLR X Cecube manakala Extraordinary 7 meraih tempat keempat dan masing-masing membawa wang tunai RM500 serta RM400 bersama trofi dan sijil.

Hadiah disampaikan Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Nik Mohd Shaharil Nik Md Hashim.



Miracle Gaming menjuarai ML NAFAS-NEKMAT sempena HPPNK 2023.

Hadir sama, Pengurus Besar NEKMAT, Azrin Shah Ismail dan Timbalan Pengurus Besar NAFAS, Saripol Baharin Karim.

Pada majlis sama, turut disampaikan 11 hadiah cabutan bertuah kepada pengunjung dengan nilai keseluruhan RM10,000.

Hadiah utama set permainan Sony PlayStation 5 dimenangi Asmahanida Ahmad manakala hadiah tempat kedua skuter elektrik menjadi milik Muhammad Ammar Abdullah.

Mohd Abdul Hakim Mohd Fiee pula membawa pulang GoPro Hero 10 bagi tempat ketiga, tablet Honor dimiliki Mohammad Zaid Md Said (keempat) dan set memancing jenama Shimano dimenangi Muhammad Thaha Shariff (kelima).

Sementara itu, pengunjung turut berpeluang bertemu penggiat profesional e-Sukan, Sir Cloud dan Aiman Laphel yang memeriahkan acara menerusi sesi temu mesra.

Selain itu, pengunjung turut berpeluang merasai pengalaman bermain permainan bola sepak FIFA 2024 secara percuma melalui platform PlayStation 5.

Terdahulu, Nik Mohd Shaharil berkata, penganjuran e-Sukan mencapai matlamat apabila menjadi antara penyumbang besar tarikan golongan muda ke HPPNK 2023.

Menurutnya, langkah itu selari dengan konsep HPPNK yang dibawa kali ini untuk meningkatkan penglibatan golongan muda dalam industri pertanian bagi menjamin keterjaminan bekalan makanan negara.

"Sebelum ini, mungkin ramai dalam kalangan anak muda tidak tahu apa itu NAFAS dan NEKMAT atau peranan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sendiri.

"Tetapi dengan adanya e-Sukan ini, ramai dalam kalangan mereka mula membuat carian di internet dan mendapatkan maklumat di HPPNK untuk mengetahui lebih lanjut jabatan dan agensi di bawahnya.

"Idea sebegini dicetuskan kerana di HPPNK 2023 turut diberi penekanan mengenai Agro Inovasi dan Teknologi yang mana kita tahu kecanggihan dunia hari ini dikuasai orang muda," katanya.

Sempena HPPNK 2023 yang berlangsung selama tiga hari sejak Jumaat, NAFAS turut mengadakan jualan produk jenama Peladang dan input pertanian di segmen Agro Madani.

Antaranya baja sebatian berskala kecil, baja khas yang diformulasi untuk tanaman durian bagi peringkat anak benih dan kit pertanian bandar.

Segmen Agro Teknologi dan Inovasi pula, pengunjung dapat melihat lebih dekat jentera pelbagai fungsi yang direka khusus untuk tugasan di sawah, ladang sawit dan kawasan pertanian.

NEKMAT pula mengadakan promosi dan jualan hasil perikanan jenama ENNA di segmen Agro Madani dengan potongan harga dan kombo jualan istimewa untuk pengunjung.




Pemenang pertandingan e-Sukan, Mobile Legend NAFAS-NEKMAT bersama hadiah dan trofi masing-masing.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Miracle Gaming juara Mobile Legends anjuran Nafas-Nekmat | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 14 Nov 2023 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 21 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 519 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 20,445 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 61,336 |







NIK Mohd Shaharil (berdiri tujuh dari kiri) bergambar bersama pemenang Pertandingan e-Sukan Mobile Legends.

# Miracle Gaming juara Mobile Legends anjuran Nafas-Nekmat

**Ipoh:** Pasukan Miracle Gaming dari Putrajaya muncul juara Kejohanan Mobile Legends sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023 di Bulatan Sultan Azlan Shah di sini.

Kejohanan yang julung kali diadakan anjuran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bersama Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) di bawah segmen Agro Millenia itu menyaksikan Miracle Gaming membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, trofi kejohanan serta sijil penyertaan.

Miracle Gaming yang diwakili lima remaja iaitu Akmal Aqil Sarbani, 22, Phan Junlarm (15), Hadi Hakimi Abu Bakar (19), Muhammad Hazril Haziq Khairol (17) dan Lim Jin Gian (18) berjaya menundukkan pasukan Watermelon 2-0.

Watermelon yang mempertaruhkan pemain profesional dari Lunatix iaitu Chong Wei Qian, 18, gagal terpaksa berpuas hati di tempat kedua dan membawa pulang wang tunai RM1,000, trofi dan sijil penyertaan.

> "Penganjuran kejohanan e-sukan sudah mencapai matlamat"
> Nik Mohd Shaharil

Tempat ketiga dirangkul Ftslr X Cecube manakala pasukan Extraordinary 7 di tempat keempat dan masing-masing membawa pulang hadiah RM500 dan RM400 beserta trofi serta sijil penyertaan.

Pada majlis sama turut diadakan cabutan bertuah kepada 11 pengunjung dengan nilai keseluruhan RM10,000.

Hadiah disampaikan Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Nik Mohd Shaharil Nik Md Hashim serta Pengurus Besar Nekmat Azrin Shah Ismail dan Timbalan Pengurus Besar Nafas Saripol Baharin Karim.

Sementara itu, Nik Mohd Shaharil ketika ditemui berkata penganjuran kejohanan e-sukan sudah mencapai matlamat apabila menjadi antara penyumbang besar tarikan pengunjung dalam kalangan orang muda ke HPPNK 2023.

"Mungkin sebelum ini ramai anak muda tidak mengenali Nafas atau Nekmat mahupun Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan kami cuba membawa kelainan dengan memperkenalkan melalui e-sukan," katanya.

Pelbagai aktiviti dan acara diadakan Sambutan HPPNK 2023 yang julung kali diadakan di Perak selama tiga hari bermula Jumaat lepas, dengan berinspirasikan Konsep Malaysia Madani yang memberi tumpuan kepada empat fokus utama iaitu Agro Millenia, Agro Teknologi dan Inovasi, Sejahtera Madani dan Agro Madani.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14/11/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 15 |

# Beras tempatan bertambah, tetapi masih tak mencukupi

## Penambahan hanya 10 peratus, permintaan pengguna tetap tinggi

Oleh Azhar Shahruinizam
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Peruncit menerima lebih banyak bekalan beras putih tempatan (BPT), tetapi masih tidak mencukupi di pasaran kerana permintaan tinggi.

Peruncit menerima kenaikan bekalan beras putih tempatan sehingga 10 peratus berbanding tiga peratus sebelum ini.

Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera (BRO), Datuk Ameer Ali Mydin, berkata bekalan beras putih tempatan masih berkurangan.

"Sebelum ini kami menerima 50 pek bekalan BPT sehari, kini 100 pek. Ada juga hari yang kami tidak menerima bekalan langsung.

"Walaupun bekalan beras tempatan diterima meningkat, ia masih tidak mampu menampung permintaan iaitu 1,000 pek untuk satu kedai.

"Jadi yang tidak dapat membeli beras putih tempatan terpaksa membeli beras import," katanya ketika dihubungi *BH*.

Beliau turut mencadangkan harga kawalan beras putih tempatan dinaikkan daripada RM26 untuk 10 kilogram (kg) kepada RM32.

"Beras import sekarang sekitar RM40 (bagi pek 10kg) jika beras dapat dijual dengan harga RM32, kilang juga dapat mengeluarkan bekalan beras dengan lebih banyak.

"Bagi saya jika tiada Syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas), kita boleh import beras Thailand ataupun Vietnam, kita juga boleh menjual beras (import) dengan harga RM32, tetapi kita tidak boleh membuat begitu.

"Jika lebih banyak syarikat boleh mengimport beras, bekalan beras di negara ini boleh distabilkan.

"Kalau dinaikkan harga beras, pesawah juga boleh mendapatkan keuntungan lebih sedikit.

"Sekarang yang susah pesawah. Sekarang 230,000 pesawah bekalkan beras kepada 35 juta rakyat Malaysia," katanya.

Mengulas tindakan India mengehadkan eksport bawang dengan mengenakan harga eksport minimum A$800 setiap tan, berkuat kuasa 29 Oktober hingga hujung tahun ini, Ameer berkata bekalan bawang masih mencukupi.

### Syor apung harga gula

Mengulas bekalan gula pula, Ameer berkata, beliau sudah beberapa kali mencadangkan untuk mengapungkan harga gula.

"Sekiranya diapungkan, harga gula berada pada sekitar RM3.80. Jika tidak diapungkan kerajaan perlu berikan subsidi kepada dua pembekal utama gula iaitu Malaysia Holdings Bhd (MSM) dan Central Sugar Refinery Sdn Bhd (CSR).

"Penyelesaian untuk kekurangan bekalan beras dan gula adalah mengapungkan harga. Berikan bantuan tunai kepada mereka yang susah.

"Pada jangka panjang kerajaan kita nampak begitu. Sekarang kerajaan sedang menyiapkan sistem Pangkalan Data Utama (Padu).

"Selepas itu pemberian subsidi akan menjadi lebih baik. Sekarang ini semua menerima subsidi," katanya.

> Walaupun bekalan beras tempatan diterima meningkat, ia masih tidak mampu menampung permintaan iaitu 1,000 pek untuk satu kedai



*Ameer Ali Mydin, Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/11/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |



# Institut Agro Usahawan tingkat modal insan ceburi pertanian

## Pelbagai latihan kemahiran disedia lahirkan tenaga mahir bidang sekuriti makanan

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

**Pasir Salak:** Institut Agro Usahawan (iGrow) di Mukim Pulau Tiga, Kampung Gajah ditubuhkan lebih 15 tahun lalu, antara usaha menjadikan pertanian produk agro pelancongan melalui pembinaan resort di kawasan dusun dan ladang ternakan.

Institut ini kemudian, menjadi pelengkap pusat pembangunan modal insan menerusi pelbagai latihan kemahiran dalam sektor pertanian.



Nordin Abdul Malek

Pengerusi Eksekutif iGrow, Nordin Abdul Malek, berkata selain meningkatkan tenaga mahir dalam bidang sekuriti makanan yang kini kritikal, institut itu turut menjadi perunding keusahawanan sektor pertanian menerusi agenda merakyatkan pertanian atau pertanian komuniti.

Katanya, Program My Kampung My Future (MKMF) bermatlamat membangunkan kampung secara bersepadu melalui pembangunan seimbang ekonomi dan sosial. Pelbagai kegiatan ekonomi berasaskan pertanian dan bukan pertanian dilaksanakan di kampung, termasuk di mukim Pulau Tiga dan terletak di iGrow, serta memberi nilai tambah.

"iGrow adalah pusat latihan kemahiran sektor pertanian ditauliahkan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Ini bererti ia hampir menyamai seperti kolej atau institut latihan pertanian milik kerajaan memandangkan pensijilan sama.

"iGrow adalah salah satu produk pelancongan bidang pertanian khususnya, di daerah Perak Tengah dan turut berperanan sebagai perunding keusahawanan sektor pertanian yang membabitkan beberapa negeri termasuk Sabah, Johor, dan Kedah dengan konsep merakyatkan pertanian," katanya.

Beliau berkata, bagi menjayakan agenda pertanian secara kompetitif bertaraf dunia, gerak kerja ke arah itu mesti dimantapkan menerusi kewujudan pelbagai kemudahan dan akses moden, terutama aspek pembangunan infrastruktur asas, termasuk capaian liputan internet.

Katanya, capaian internet penting dalam mencorakkan landskap baharu sektor pertanian dan keterjaminan makanan.

"Melangkah ke penggunaan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI), *smart farming* (pertanian pintar), internet kebendaan (IoT) dan seumpamanya, maka capaian internet yang baik perlu di kawasan pertanian atau ladang yang sebahagian besarnya terletak di desa atau pedalaman," katanya.

### Latih generasi baharu

Nordin berkata, iGrow terletak di keluasan kira-kira 3.23 hektar terkehadapan dan sejak awal dibangunkan, ia dilengkapkan dengan teknologi baharu antaranya mengguna pakai kaedah fertigasi, automasi, selain memperkenalkan konsep ladang integrasi.

"Kita melatih generasi baharu dengan sistem dan kaedah pertanian komersial berpandukan kepada moto kami iaitu 'Transformasi Pertanian Generasi Baru'," katanya.

iGrow kini membangunkan program 'Pertanian Insaniah' yang menyasar untuk menyatukan golongan asnaf selain institusi pengajian keagamaan seperti sekolah agama di daerah Hulu Perak dalam projek pertanian dengan menerapkan konsep diguna pakai di iGrow iaitu di Pulau Tiga, Kampung Gajah.



*Sebahagian kursus yang dijalankan di Kompleks Desa Warisan iGrow di Mukim Pulau Tiga, Kampung Gajah.*

"Sebelum ini program sama kami bangunkan di Bagan Datuk, namun yang terbaru di Lenggong dan Gerik di Hulu Perak. Kami satukan peserta dalam program 'Pertanian Insaniah' yang modelnya diambil sama seperti di iGrow Pulau Tiga dan ia sudah berjalan," katanya.

Mengenai pelan seterusnya, Nordin berkata, pihaknya masih menunggu kelulusan perolehan tanah kerajaan bagi pembinaan sebuah lagi kompleks pertanian baharu di Kampar yang berciri futuristik, terutama dari segi kemudahan dan capaian teknologi bagi rancangan mengembangkan lagi sektor pertanian lebih moden.

"Pembangunan pertanian berkaitannya tidak lagi boleh dilaksanakan di tapak sedia ada di Pulau Tiga kerana kawasan itu sudah tepu dan tidak diliputi capaian internet yang bagus. Kita syorkan buat satu lagi kompleks di Kampar yang tapaknya sudah dikenal pasti dan merujuknya kepada Pejabat Tanah," katanya.

Agenda keterjaminan atau sekuriti makanan adalah satu daripada 'flagship' di bawah pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, iaitu Lembah Bakul Makanan Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/11/2023 | BERITA HARIAN | MINDA PEMBACA | 13 |

# Wujudkan kaedah berkesan pantau subsidi beras

Siti Nur Arshira Muhammad,
Universiti Malaysia Terengganu

**Baru-baru** ini negara kita dihangatkan dengan isu kenaikan harga beras yang mampu menjejaskan kehidupan setiap isi rumah. Isu ini jika tidak dikendalikan sebaiknya bukan hanya memberi impak kepada keluarga berpendapatan rendah, tetapi juga hampir semua lapisan masyarakat.

Justeru, kita dapat melihat kerajaan berusaha sedaya upaya untuk menanganinya, misalnya langkah pengumuman menyalurkan subsidi berjumlah RM400 juta kepada premis kerajaan seperti polis, kem tentera, asrama sekolah dan jabatan kerajaan lain yang menggunakan beras import bagi meningkatkan beras putih tempatan dalam pasaran.

Hal ini tentu sahaja dapat membantu bekalan beras putih tempatan dalam pasaran, sekali gus memenuhi keperluan pengguna.

Kenaikan harga beras ini sebenarnya perlu dilihat kepada asas ekonomi paling mudah, iaitu konsep permintaan dan penawaran. Justeru, dalam konteks beras putih tempatan, permintaannya mula meningkat disebabkan kejatuhan mata wang. Sebelum ini kebanyakan pengguna lebih gemar membeli beras import. Namun, kejatuhan mata wang menyebabkan harga beras import menurun dan menyebabkan ramai pengguna beralih kepada produk tempatan. Hal ini menyebabkan harga beras tempatan naik.

Selain itu, kita juga sedar mengenai desas-desus berlaku sorokkan stok oleh pihak tidak bertanggungjawab. Hal ini turut menjadi faktor kepada kenaikan harga beras.

## Pertambahan populasi

Selain faktor itu, pertambahan populasi turut menyebabkan permintaan terhadap barangan asas meningkat. Hal ini bukan hanya berlaku di Malaysia, tetapi juga di seluruh dunia.

Dalam konteks Malaysia misalnya, kita boleh melihat sekitar 1970-an, penggunaan beras dalam negara hanya 120kilogram (kg) untuk seorang dalam tempoh setahun. Jumlah berkenaan semakin meningkat pada hari ini sesuai dengan pertambahan populasi. Memburukkan lagi keadaan di beberapa negara pengeluar beras, mereka berhadapan dengan ancaman cuaca hingga jumlah tuaian merosot. Keadaan ini menyebabkan mereka bertindak menyekat dijual di pasaran luar negara.

Bagaimanapun secara asasnya selepas beberapa ketika, kita melihat kerajaan dapat mengawal keadaan. Malah, kemarahan rakyat berikutan harga beras yang meningkat juga dapat dikawal. Semua ini tentu disebabkan usaha kerajaan dan pelbagai pihak lain untuk memastikan beras yang menjadi keperluan asas rakyat negara ini mencukupi dan dijual pada harga terkawal.

Misalnya, kita turut melihat bagaimana Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut mengambil langkah lebih aktif dalam menghantar bekalan beras ke kawasan yang mengalami kekurangan keperluan asas.

Malah, di Sabah seperti dilaporkan media Presiden Persatuan Pengguna Bijaksana Pantai Barat Sabah, David Chan turut mengalu-alukan pemberian subsidi kerajaan terhadap pembelian beras di Sarawak dan Sabah. Langkah itu dapat membantu mengurangkan kos sara hidup yang dihadapi ketika ini.

Pemberian subsidi itu tentu sahaja akan mengurangkan harga beras import di pasaran lebih-lebih lagi ketika ini terdapat juga kenaikan harga barang keperluan lain yang memberi kesan kepada perbelanjaan bulanan.

Namun, pada masa sama kita berharap ada mekanisme sistematik bagi memastikan berlaku penyelarasan dan pemantauan oleh pihak berkaitan supaya subsidi dapat dilaksanakan secara berkesan, termasuk memastikan beras dijual mengikut harga ditetapkan dan bekalan sentiasa mencukupi.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Rice millers: Let price of rice float freely to solve chaos | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 14 Nov 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 743 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,346 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 28,038 |




## 米商：拉近与进口米价差

# 米价自由浮动解乱象

报道 林秀芳

**（吉隆坡 13 日讯）农业及粮食安全部确实有必要调整本地白米售价，毕竟现有价格已“定格”近 15 年之久，惟本地米和进口米之间依旧存在差价，料仍难以解决米界当前的乱象。**

砻米厂商林卯顺直言，只有让国内白米价格自由浮动运作，才是最终解决方案。

他今日接受《南洋商报》访问时说，“我本身认同农业部有必要调高本地白米售价，当中探讨的每公斤 3 令吉 20 仙售价也有利整个行业供应链的经营商，包括稻农、砻米商、白米销售商等，因为在扣除近期高企的成本价之后，确实让各方皆能获得合理盈利。”



林卯顺

### 通过市场供需定价

他指出，不过，探讨售价与现有每公斤 3 令吉 80 仙的进口白米售价相比，之间依旧存在 60 仙的差价，在这点有利可图的空间里，大家认为本地白米被换包装问题，能得到解决吗？

“尽管政府可以继续严厉执法，但未必能有效打压贪婪的无良商家，因为就算探讨售价（3 令吉 20 仙）没有现有售价（2 令吉 60 仙）与进口白米售价（3 令吉 80 仙）存在一大截差距，不过，只要之间仍有一丁点的差价，相信还是有人会铤而走险，继续采用‘狸猫换太子’的伎俩。”

他直言，政府何不采取更有效的方案，直接让本地白米价格全面自由波动，通过市场供需来决定价位呢？

“纵观过去统制售价的商品，我们不难发现这些商品最终皆面对运作扭曲现象，为此，恕我直言，只有让国内白米价格浮动，才能全面解决本地白米遭掺入进口白米包装出售的问题，同时一劳永逸改善该产品供应短缺的现象。”



国家稻米公司在 9 月调涨进口白米售价。

## 传本地米遭“偷龙转凤”

近年来，国际稻米价格节节攀升，本地白米在国家稻米公司（Bernas）今年 9 月宣布调高进口白米售价后，却开始出现“消失”市面情况，有者指是消费者抢购引发，不过，稻米界运作者则认为本地白米已遭“偷龙转凤”。

早前就有视频疯传本地白米遭装入进口包装内，进而引起国内贸易及生活成本部执法单位关注及严加取缔，涉及商家则大力否认。

如今，本地白米踪影仍若隐若现，稻米及白米监管局总监拿督阿兹曼上周六（11 日）就建议农业部提高本地白米售价，以让砻米厂商在有赚幅情况下增加产量，从而避免本地稻米发生傾销事件。

他解释说，本地白米售价太低，米商在赚幅微薄情况下，或不愿继续向稻农采购稻米，最终可能导致本地稻米出现傾销现象。

## 以品质提供稻农补贴

针对本地白米售价调高是否能激励稻农提高产量，林卯顺表示，政府有必要检讨稻农补贴计划，建议以鉴定品质来提供，以激励稻农生产有品质的稻米。

### 稻米成熟前收割增重量

他解释，一些稻农为赚取更多的“重量”，在稻米成熟期之前就收割，甚至有者为增加稻米的重量，选择在上午 9 时开始收割稻谷，以为叶子上的露水可增加重量。

“不过，这是错误的想法，因为叶子上的露水反而会粘着稻子，让稻子跟随被收割机一起排出，导致获收割稻子减少，而且该产品的品质也不佳。”

他说，最佳的收割时间从上午 10 时 30 分开始，因为那时候叶子上的露水已经干了。

政府早前宣布提高稻谷收购价至每吨 1300。

此外，稻农的福利还包括获提供农药和肥料，犁田贴补每公顷 140 令吉、稻米价格补贴计划（SSHP）下的补贴每公吨 500 令吉，以及在收割空窗期间，可得每个月 200 令吉的稻农生活补贴等。

林卯顺认为，政府要激励稻农向上发奋，就应大胆配合白米价格自由浮动方式及以品质提供稻农补贴，让稻农可在市场竞争中力争上游，以更具动力协助推高国内稻米产量。

“政府在稻米补贴上，主要希望帮助低收入 B40 群体，为此，本身认为实际做法是采用发放代金券方式，将可更具针对性来惠及所需群体，而非采用管制商品价格的方式。”

Powered by: isentia